

Tambah baik sistem pendidikan sesuai norma baharu

COVID-19 meningkatkan keperluan norma baharu dalam sistem pendidikan, iaitu pembelajaran dalam talian. Justeru, adalah penting bagi memfokuskan prosedur pemantauan untuk

menilai keberkesanan, kecukupan dan kemampuannya dalam memastikan pelajar tidak ketinggalan.

Ramai pelajar menyatakan kebimbangan kerana pandemik COVID-19 memberikan tekanan ketika mengikuti kelas dalam talian kerana kurang mendapat perhatian dan tumpuan.

Sebagai contoh, kebanyakan pelajar sekolah rendah dan menengah sukar memahami bahan seperti video atau slaid ketika pembelajaran dalam talian, sekali gus memberi kesukaran kepada ibu bapa untuk memantau pelajaran anak mereka.

Hal ini sekata dengan dapatan penyelidikan EMIR Research untuk suku ketiga tahun ini, iaitu 80 peratus responden bimbang kualiti pendidikan akibat norma baharu COVID-19 yang bergantung kepada pendidikan dalam talian secara keseluruhan.

Ketua Kluster Pendidikan dan Pembangunan Manusia Akademi Profesor

Malaysia, Prof Dr Rosna Awang Hashim menyebut hal ini terjadi kerana kebanyakan institusi tidak menggunakan sepenuhnya kemudahan pembelajaran jarak jauh sebelum bermulanya wabak.

Sistem pendidikan kita mungkin tidak berapa berkesan untuk menerapkan norma baharu pendidikan dalam talian kerana sebilangan guru dan kakitangan kurang memiliki kemahiran diperlukan untuk mengendalikan kelas dalam talian ataupun sumber pengajaran betul sebelum krisis.

Mereka tidak boleh dipersalahkan kerana kaedah pendidikan sebelum ini tidak mendorong sepenuhnya penggunaan bahan, alat dan kemudahan dalam talian sehingga menyebabkan beberapa tenaga pengajar kurang berkebolehan menggunakannya.

Selain itu, mereka memerlukan sedikit masa mempelajari dan menguasai kemahiran mengendalikan kemudahan dalam talian serta memerlukan latihan dan kursus bersesuaian.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Teknologi Pendidikan Malaysia, Prof Dr Mahizer Hamzah, berkata ramai guru masih memerlukan bimbingan mengenai aspek teknikal pendidikan dalam talian, reka bentuk sesuai untuk pengembangan bahan pengajaran digital serta sistem sokongan komprehensif.

Begitu juga ketersediaan bahan pengajaran mencukupi, sistem penjadualan dan pilihan pembelajaran lain untuk pelajar serta guru yang tidak mempunyai akses internet.

Malah, gelombang ketiga jangkitan COVID-19 menegaskan lagi kepentingan sistem pendidikan negara bersesuaian norma baharu, demi kesinambungan kelas melalui arahan jelas daripada kerajaan.

Ini membabitkan tindakan kolaboratif kerajaan melalui Kementerian berkaitan untuk mengkaji cara yang boleh diyakini agar sistem pendidikan dapat kembali normal dan memperkenalkan langkah penting untuk berjaya dalam standard baharu sistem pendidikan.

Usaha itu juga harus dilengkapi pengawasan tepat terhadap sistem pendidikan khususnya kredibiliti sistem sedia ada dan penggunaan kaedah pengajaran baharu oleh pelajar serta guru untuk memudahkan penyediaan strategi berkesan.

Antara contoh baik ialah program TV Pendidikan baharu yang bermula 23 November lalu dan disiarkan di NTV7 menyediakan bahan pembelajaran kepada pelajar ketika Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Berdasarkan kenyataan Kementerian Pendidikan (KPM), Program TV Pen-

didikan bertujuan meningkatkan akses pelajar kepada bahan pembelajaran melalui saluran alternatif, selain pembelajaran dalam talian.

Tidak diragukan lagi ia usaha tepat kerajaan untuk membantu pelajar mendapatkan lebih banyak akses bahan pembelajaran dan meringankan tanggungjawab pihak berkuasa pendidikan dalam menyediakan bahan pembelajaran.

Namun, bahan disediakan diharapkan cukup berguna kepada pelajar dan usaha berkenaan mungkin perlu dirancarkan juga oleh pihak lain.

Sebilangan pelajar juga mungkin berasa tidak selesa dengan pembelajaran dalam talian pada masa ini walaupun mereka menghadapi situasi sama untuk jangka panjang semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Gelombang ketiga jangkitan COVID-19 juga memberikan keadaan seakan-akan sama dengan sistem pendidikan ketika PKP. Kerajaan perlu menambah baik kerana ramai pelajar berharap pandemik ini tidak akan selama ini dan mereka mulai bosan belajar melalui platform dalam talian.

Penulis adalah Pembantu Penyelidik di EMIR Research



Farhan Kamarulzaman